

MORAL CHARACTER DEVELOPMENT OF STUDENTS THROUGH TAZKIYAH AL-NAFS: A CONCEPTUAL ANALYSIS IN ISLAMIC EDUCATION

PEMBENTUKAN AKHLAK PELAJAR BERASASKAN TAZKIYAH AL-NAFS: ANALISIS KONSEPTUAL DALAM PENDIDIKAN ISLAM

Hawa Hanida Jemainⁱ & Muhammad Talhah Ajmain @ Jima'ainⁱⁱ

ⁱ (Corresponding author). Pelajar Sarjana, Fakulti Sains Pendidikan dan Teknologi, Universiti Teknologi Malaysia, 81200 Johor Bahru, Malaysia. hawahanida@graduate.utm.my

ⁱⁱ Pensyarah Kanan, Akademi Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia, 81200 Johor Bahru, Malaysia. muhammadtalhah.j@utm.my

Article Progress

Received: 1 June 2026

Revised: 30 June 2026

Accepted: 1 July 2026

Abstract	<i>The decline of moral conduct among students has become one of the major challenges in contemporary education, necessitating a more holistic approach grounded in spiritual development. Islamic education places moral character as a fundamental objective; however, its implementation often focuses primarily on external behavioral aspects without sufficient emphasis on inner spiritual development. In this regard, this study aims to conceptually analyze the role of tazkiyah al-nafs as a foundation for students' moral character development within the framework of Islamic education. This study adopts a qualitative approach through conceptual analysis of primary and secondary sources related to tazkiyah al-nafs, moral character, and Islamic education, based on library research. Specifically, it seeks to elaborate the concept of tazkiyah al-nafs within the tradition of Islamic education and to examine its role in shaping students' moral character. The findings indicate that tazkiyah al-nafs constitutes a continuous educational process encompassing the purification of negative traits (takhalli), the cultivation of virtuous qualities (tahalli), and the internalization of moral values (tajalli) in daily life. This process fosters self-awareness, self-regulation, and emotional balance among students, thereby producing well-balanced individuals with noble character. Overall, this study contributes to strengthening moral character development by emphasizing the importance of a tazkiyah al-nafs-based approach in nurturing holistic and ethically grounded students.</i> Keywords: Moral, Education, Approach, Spiritual, Development.
Abstrak	<i>Kemerosotan akhlak dalam kalangan pelajar merupakan salah satu cabaran utama pendidikan kontemporari yang menuntut pendekatan lebih menyeluruh dan berteraskan pembangunan spiritual. Pendidikan Islam meletakkan akhlak sebagai matlamat asas pendidikan, namun pelaksanaannya sering tertumpu kepada aspek luaran tingkah laku tanpa memberi penekanan mencukupi terhadap pembinaan jiwa. Sehubungan itu, kajian ini bertujuan menganalisis secara konseptual peranan tazkiyah al-nafs sebagai asas pembentukan akhlak pelajar dalam kerangka pendidikan Islam. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan</i>

	melalui analisis konseptual terhadap sumber-sumber primer dan sekunder yang berkaitan dengan tazkiyah al-nafs, akhlak dan pendidikan Islam berdasarkan kajian kepustakaan. Kajian ini bertujuan menghuraikan konsep tazkiyah al-nafs dalam tradisi pendidikan Islam serta menganalisis peranan tazkiyah al-nafs (penyucian jiwa) dalam pembentukan akhlak pelajar. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tazkiyah al-nafs merupakan proses pendidikan berterusan yang merangkumi pembersihan sifat tercela (<i>takhalli</i>), pembinaan sifat terpuji (<i>tahalli</i>) dan penghayatan akhlak (<i>tajalli</i>) dalam kehidupan seharian. Proses ini membentuk kesedaran diri, kawalan jiwa dan keseimbangan emosi pelajar, seterusnya melahirkan insan yang seimbang dan berakhlak mulia. Secara keseluruhannya, kajian ini menyumbang kepada pengukuhan pembentukan akhlak dengan menegaskan kepentingan pendekatan berteraskan tazkiyah al-nafs dalam usaha melahirkan pelajar yang seimbang. Kata kunci: Akhlak, Pendidikan, Pendekatan, Spiritual, Pembangunan.
--	--

PENDAHULUAN

Pendidikan masa kini menghadapi cabaran yang kian membimbangkan dalam usaha membentuk akhlak generasi sekarang. Perubahan pesat perkembangan teknologi dan pengaruh sosial telah memberi kesan secara langsung terhadap corak pemikiran dan tingkah laku pelajar, sekaligus terdedah kepada pelbagai pengaruh negatif (Abd Majid *et al.*, 2025).

Isu kemerosotan akhlak dalam kalangan pelajar terus mendapat perhatian, khususnya dari pihak sekolah, guru, dan ibu bapa, terutama yang melibatkan salah laku seperti buli, ponteng sekolah, kurang hormat, memaki, dan melawan guru serta vandalisme (Norani *et al.*, 2025; Abd Majid *et al.*, 2025; Johari *et al.*, 2025).

Dalam konteks pendidikan Islam, kemerosotan akhlak dalam kalangan pelajar menimbulkan kebimbangan yang serius dalam sistem pendidikan, khususnya bagi bidang pendidikan Islam yang menjadi peranan utama dalam pembentukan akhlak pelajar. Hal ini dapat dilihat melalui pelbagai tingkah laku negatif seperti ponteng sekolah, buli, kurang hormat terhadap guru, vandalisme, dan melanggar peraturan sekolah yang menggambarkan kelemahan dalaman pelajar dalam mengawal diri dan jiwa (Rozali & Abdul Wahab, 2020).

Selain itu, menurut Hatim *et al.* (2020) antara faktor utama yang menyumbang kepada tingkah laku tidak berakhlak ini ialah kurangnya penghayatan nilai agama dalam diri pelajar dan kesedaran spiritual dalam diri pelajar. Disamping itu, pengaruh media sosial yang bersifat terbuka dan membawa unsur negatif serta berasaskan gaya hidup bebas telah memberi impak kepada nilai akhlak yang bercanggah dengan ajaran Islam (Tamuri & Ismail, 2021).

Walaupun pendidikan Islam menekankan pembentukan akhlak sebagai asas pendidikan, namun pelaksanaannya di institusi pendidikan masih cenderung kepada pembetulan tingkah laku secara luaran seperti penguatkuasaan disiplin dan hukuman. Pendekatan ini berpotensi memberi kesan yang negatif dalam melahirkan pelajar yang patuh kepada kawalan luaran, tetapi lemah dari segi kawalan dalaman dan kesedaran spiritual.

Menurut Tamuri dan Ismail (2021), akhlak tanpa nilai-nilai Islam dan pengukuhan nilai spiritual dan kesedaran diri menyukarkan usaha pembentukan akhlak pelajar secara berterusan. Selari dengan dapatan Robani *et al.* (2023) yang menegaskan bahawa pembentukan akhlak yang berkesan memerlukan pendekatan yang menyeluruh serta menekankan pembangunan jiwa sebagai asas kepada kawalan tingkah laku pelajar.

Sehubungan itu, pembentukan akhlak pelajar perlu berasaskan pembangunan jiwa melalui konsep *tazkiyah al-nafs* yang menekankan penyucian jiwa, kawalan diri, dan

pengukuhan hubungan dengan Allah SWT. Namun, menurut Hashim (2020) perbincangan tentang pembentukan akhlak dan modal insan yang seimbang berasaskan *tazkiyah al-nafs* masih bersifat umum dan terhad.

Pada masa yang sama, Mutholingah dan Zain (2021) turut menyatakan bahawa konsep *tazkiyah al-nafs* dalam pendidikan Islam kontemporari masih kurang dihuraikan dari sudut konseptual, khususnya dalam membentuk akhlak pelajar melalui proses pembangunan jiwa secara berperingkat. Oleh itu, terdapat keperluan untuk menganalisis secara konseptual tentang konsep *tazkiyah al-nafs* serta menghuraikan peranan *tazkiyah al-nafs* dalam pembentukan akhlak pelajar.

SOROTAN LITERATUR

Islam adalah agama yang menitik beratkan pembentukan akhlak dan keperibadian mulia dalam setiap individu Muslim. Akhlak merupakan salah satu elemen utama dalam proses kehidupan seseorang Muslim yang berperanan dalam membentuk peribadi agar sentiasa taat kepada suruhan dan larangan Allah SWT, di samping memiliki kesucian rohani serta keperibadian luaran yang terpuji (Syamsuddin, 2017).

Selain itu, menurut Marzuki dan Hajimaming (2017) pembentukan akhlak merupakan asas penting dalam usaha menerapkan kebaikan dalam diri individu. Bagi memastikan nilai akhlak yang perlu dimiliki dalam diri setiap Muslim, Islam menjadikan al-Quran dan hadis sebagai sumber rujukan yang primer dalam kehidupan.

Perkataan akhlak berasal daripada perkataan jamak, iaitu *khuluq* yang merujuk kepada tabiat atau keadaan dalaman manusia. Menurut Ibnu Athir, *akhlaq* atau *khuluq* merujuk kepada keadaan dalaman diri yang membentuk tingkah laku dan kecenderungan seseorang. Selari dengan pandangan sarjana falsafah Islam, iaitu Ibnu Miskawaih (1966) yang menjelaskan bahawa akhlak merupakan suatu keadaan bagi jiwa (*al-nafs*) yang mendorong diri melakukan perbuatan atau tingkah laku secara spontan dan tanpa memerlukan sebarang pertimbangan akal yang mendalam.

Hal ini kerana, akhlak telah sebatikan dalam diri individu sebagai suatu kebiasaan atau sifat yang berterusan. Pemahaman yang mendalam terhadap akhlak sebagai suatu keadaan dalaman jiwa ini menunjukkan bahawa pembentukan akhlak tidak berlaku secara kebetulan, namun memerlukan satu proses pendidikan yang terancang dan secara berterusan.

Pendidikan dan akhlak merupakan dua elemen penting yang saling berkait rapat dalam kerangka pendidikan Islam, khususnya dalam membentuk insan yang seimbang. Menurut Robani *et al.* (2023), pendidikan menurut Islam tidak terhad kepada penyampaian ilmu pengetahuan semata-mata, malah turut merangkumi pembangunan akal, fizikal, dan rohani agar dapat membimbing manusia ke arah kebaikan.

Pendidikan akhlak menjadi matlamat utama dalam pendidikan Islam kerana bukan sekadar melahirkan individu yang berilmu tetapi membentuk sahsiah pelajar secara menyeluruh. Justeru, pendekatan pembinaan dalam jiwa seperti konsep *tazkiyah al-nafs* menjadi asas penting bagi memastikan proses pendidikan akhlak dapat diaplikasikan secara konsisten.

Proses *tazkiyah al-nafs* merupakan suatu proses penyucian jiwa yang memainkan peranan penting dalam pembangunan insan yang seimbang dan berakhlak mulia serta berfungsi dalam mengaplikasikan sifat-sifat terpuji dalam diri yang dapat membentuk akhlak individu. Menurut Abas *et al.* (2025) pendekatan *tazkiyah al-nafs* dalam kaunseling Islam dapat membantu menangani isu psiko spiritual dan tingkah laku tidak berakhlak dalam kalangan pelajar melalui proses penyucian jiwa dan refleksi diri, seterusnya mendorong kepada perubahan tingkah laku yang positif secara konsisten.

Selain itu, kajian oleh Hashim (2020) turut menyatakan bahawa penerapan *tazkiyah al-nafs* dalam pembangunan modal insan secara menyeluruh telah menyumbang kepada peningkatan kawalan diri, akhlak mulia, dan nilai positif yang seiring dengan prinsip Islam.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif berasaskan analisis konseptual yang memfokuskan kepada pembentukan akhlak pelajar melalui pendekatan *tazkiyah al-nafs* dalam pendidikan Islam. Reka bentuk ini dipilih untuk menghuraikan, memahami, dan menganalisis konsep, makna serta hubungan antara pembinaan jiwa dan pembentukan akhlak berdasarkan kerangka *tazkiyah al-nafs* yang dikemukakan oleh Imam al-Ghazali.

Pendekatan analisis konseptual ini membolehkan pengkaji menilai secara mendalam tentang makna, istilah, prinsip serta kerangka pemikiran yang membentuk asas *tazkiyah al-nafs*, seterusnya membina pemahaman yang menyeluruh terhadap peranan pembangunan dalaman diri dalam proses pembentukan akhlak pelajar. Manakala, sumber data kajian terdiri daripada bahan ilmiah yang berkaitan dengan tema kajian, iaitu buku, artikel, jurnal, dan kajian terdahulu berkaitan bidang pendidikan Islam.

Seterusnya, prosedur analisis dilaksanakan secara berperingkat, iaitu pengenalanpastian konsep utama *tazkiyah al-nafs* dan analisis hubungan antara proses *tazkiyah al-nafs* dengan pembentukan akhlak pelajar.

PERBINCANGAN

Konsep Tazkiyah Al-Nafs Dalam Pendidikan Islam

Tazkiyah berasal daripada akar kata *zakka* yang membawa maksud tumbuh, subur, suci, dan bebas daripada dosa. Dari sudut istilah, *tazkiyah al-nafs* merujuk kepada proses penyucian jiwa dan pembinaan diri ke arah menuruti perintah Allah SWT. Menurut Imam Al-Ghazali (2007), *tazkiyah al-nafs* merupakan suatu usaha membersihkan jiwa daripada kejahilan, kealpaan, dan kelalaian dalam mengingat Allah SWT, serta membimbing manusia kembali kepada fitrah yang suci.

Manakala, Syaikh Mutawalli Al-Sha'rawi (1991) mentakrifkan *tazkiyah al-nafs* sebagai usaha memelihara jiwa daripada segala bentuk kekotoran zahir dan batin, seperti perbuatan syirik, penolakan terhadap kebenaran serta sifat-sifat tercela seperti benci, dendam, dan sombong. Oleh itu, sifat-sifat negatif ini perlu dibersihkan dalam diri manusia, kerana sifat ini bukan sahaja mengotorkan jiwa, malah menjadi punca kepada kemerosotan akhlak dan tingkah laku manusia.

Demikian itu, setiap pelajar dituntut untuk menyucikan jiwa secara menyeluruh, sama ada dari aspek zahir mahupun batin, serta menjauhi tingkah laku yang boleh menjejaskan kesucian jiwa. Hal ini kerana, jika dibiarkan jiwa yang kotor secara berterusan akan membuka ruang kepada kemerosotan akhlak dan kelalaian dalam kehidupan pelajar. Selari dengan pandangan Imam Al-Ghazali (1983) yang menegaskan bahawa tujuan pendidikan Islam adalah untuk mencapai kesempurnaan insan melalui proses penyucian hati dan pengamalan nilai akhlak yang murni.

Selain itu, beliau turut menekankan bahawa matlamat tertinggi pendidikan ialah membimbing manusia agar semakin dekat kepada Allah SWT dengan membentuk jiwa yang bersih, patuh, dan berpandukan hikmah, sekali gus melahirkan insan yang berakhlak mulia dan seimbang dari segi rohani serta jasmani (Hashim, 2020; Mutholingah & Zain, 2021). Sehubungan itu, pendidikan Islam memerlukan suatu kerangka proses penyucian jiwa yang menyeluruh, berperingkat, dan berkesan. Kerangka ini dapat dilihat melalui proses *tazkiyah al-nafs* yang merangkumi proses *takhalli*, *tahalli*, dan *tajalli* sebagai asas pembentukan akhlak pelajar.

Proses Tazkiyah Al-Nafs

Proses *tazkiyah al-nafs* bermula dengan *takhalli*, iaitu proses membersihkan jiwa daripada sifat-sifat tercela yang berpunca daripada dorongan nafsu yang membawa kepada dosa, khususnya *nafs amarah* dan *nafs lawwamah*. Proses ini melibatkan penyucian diri secara zahir dan batin, termasuk pembersihan daripada sifat hasad dengki, marah, sombong serta tingkah laku tidak berakhlak.

Takhalli merupakan tahap awal dalam pembentukan akhlak yang menuntut *mujahadah*, iaitu usaha dalam menyingkirkan sifat terkeji dengan cara menyucikan diri

daripada dosa dan maksiat terhadap Allah SWT (Azizan et al., 2022). Melalui proses ini, jiwa dapat dibersihkan daripada segala perbuatan dan tingkah laku bagi membuka ruang kepada pembinaan dan penghayatan sifat-sifat terpuji melalui proses seterusnya, iaitu *tahalli*.

Fasa seterusnya merujuk kepada proses pembinaan jiwa dengan sifat-sifat terpuji atau dikenali sebagai proses *tahalli*, sebagaimana yang dikemukakan oleh Imam Al-Ghazali (1983) yang menekankan kepentingan dalam pembentukan jiwa berasaskan nilai-nilai akhlak yang mulia selaras dengan tuntutan Islam seperti jujur, amanah, bertanggungjawab, sabar, dan bertakwa.

Demikian itu, proses *tahalli* memerlukan pengamalan spiritual yang konsisten, iaitu zikir, qiyamullail serta pembacaan al-Quran, agar nilai-nilai tersebut dapat diterapkan dalam pembentukan keperibadian pelajar serta diamalkan dalam kehidupan seharian sehingga membentuk akhlak yang mulia (Mat et al., 2020). Selain itu, fasa *tahalli* juga turut menuntut jiwa yang telah dibersihkan diisi dengan pelbagai akhlak mahmudah seperti zuhud, taubat, takut kepada Allah SWT (*khawf*), berharap (*raja'*), ikhlas, bersyukur, tawakal, reda serta sentiasa mengingati kematian.

Justeru, proses *tahalli* ini menuntut individu untuk melatih dalaman secara berperingkat dan teratur, agar setiap amalan kebaikan yang pada permulaannya sukar untuk dilaksanakan dan seterusnya menjadi rutin serta dapat membentuk akhlak yang baik (Abas et al., 2025; Mutholingah & Zain, 2021).

Akhir sekali ialah proses *tajalli* yang merupakan suatu peringkat dalam mewujudkan hasil daripada *takhalli* dan *tahalli* yang dapat diaplikasikan dalam kehidupan pelajar melalui penghayatan nilai spiritual dan pengamalan akhlak mulia secara berterusan (Hadillah et al., 2025). Pada tahap ini, pelajar bukan sahaja mampu membezakan antara yang betul atau salah, malah mampu menzahirkan keimanan dan kecintaan kepada Allah SWT dalam setiap perbuatan.

Hal ini kerana, setiap amalan atau perbuatan yang dilakukan berpandukan kesedaran dalaman diri dan pengawasan Allah SWT. Justeru, proses *tazkiyah al-nafs* secara keseluruhannya memberikan impak yang positif terhadap pembentukan akhlak, bukan sahaja dalam jangka masa pendek, malah berkesan dalam jangka masa panjang secara berterusan. Demikian kerana, nilai-nilai yang dibentuk melalui proses dalaman dengan konsisten dapat membentuk akhlak yang kukuh dan berterusan serta berdasarkan kesedaran spiritual diri.

Pembentukan Akhlak Pelajar Berasaskan Tazkiyah Al-Nafs

Pembentukan akhlak pelajar berasaskan *tazkiyah al-nafs* menekankan bahawa perubahan tingkah laku yang berkesan bermula daripada pembinaan dalaman jiwa, bukan sekadar melalui kawalan luaran seperti peraturan dan hukuman. Akhlak dalam pendidikan Islam merupakan suatu refleksi keadaan jiwa yang dibentuk melalui proses penyucian jiwa, pengisian, dan penghayatan nilai spiritual secara berterusan.

Justeru, pendekatan *tazkiyah al-nafs* menyediakan satu kerangka pendidikan akhlak yang holistik, bersepadu, dan berterusan, selari dengan matlamat pendidikan Islam untuk melahirkan insan yang seimbang. Dari perspektif pendidikan, pendekatan *tazkiyah al-nafs* turut berfungsi sebagai asas pembentukan akhlak dengan memberi penekanan terhadap kesedaran sendiri, kawalan diri, dan pengukuhan hubungan spiritual pelajar dengan Allah SWT.

Akhlak yang terhasil melalui proses ini bukan sahaja bersifat sementara, namun dapat diimplementasikan dalam diri secara berterusan melalui dorongan jiwa dan kesedaran spiritual diri pelajar. Oleh itu, *tazkiyah al-nafs* berfungsi sebagai asas pembinaan dalaman yang menekankan perubahan jiwa melalui proses penyucian jiwa dan seterusnya kepada perubahan tingkah laku.

Proses *takhalli* membantu pelajar membersihkan diri daripada sifat negatif seperti marah, kurang hormat, dan tidak beradab yang sering menjadi punca kepada kemerosotan akhlak dan salah laku (Azizan et al., 2022). Justeru itu, melalui proses kesedaran dan refleksi

kendiri, pelajar dibimbing untuk mengawal diri dan emosi serta membentuk tingkah laku yang positif agar dapat diamalkan secara berterusan.

Seterusnya, pembentukan akhlak pelajar diperkukuhkan melalui proses *tahalli* dan *tajalli*, iaitu pengisian jiwa dengan sifat terpuji seperti jujur, amanah, bertanggungjawab, hormat, sopan, dan beradab sehingga terbentuk menjadi keperibadian pelajar. Akhlak yang mulia terbentuk melalui pelaksanaan amalan yang baik secara konsisten, selari dengan pandangan Imam Al-Ghazali (1983) yang mengatakan bahawa akhlak merupakan sifat dalam hasil daripada amalan, kebiasaan, dan latihan berterusan.

Kemudian, pada proses *tajalli* menunjukkan hasil nilai akhlak yang dizahirkan dalam setiap perbuatan dan tindakan pelajar tanpa bergantung kepada kawalan luaran, sebaliknya didorong oleh kesedaran rohani dan hubungan dengan Allah SWT. Oleh itu, proses ini mencerminkan kejayaan *tazkiyah al-nafs* dalam melahirkan pelajar yang berakhlak mulia dan seimbang (Mutholingah & Zain, 2021; Abas *et al.*, 2025).

Dalam konteks pendidikan Islam kontemporari, pembentukan akhlak pelajar berasaskan *tazkiyah al-nafs* masih relevan dan bersesuaian dalam menangani cabaran keruntuhan nilai dan kemerosotan akhlak dalam kalangan pelajar. Demikian kerana, pendekatan ini bukan sahaja berfungsi sebagai mekanisme dalam memperbaiki tingkah laku, namun sebagai proses pencegahan yang membina kekuatan dalaman pelajar untuk menghadapi pengaruh negatif luar.

Oleh itu, dengan penekanan terhadap pembangunan jiwa dan kesedaran spiritual, *tazkiyah al-nafs* berpotensi menjadi kerangka pendidikan akhlak yang berkesan dan selari dengan matlamat pendidikan Islam, iaitu untuk melahirkan insan yang seimbang dan berakhlak mulia.

IMPLIKASI DAN CADANGAN

Implikasi kajian menunjukkan bahawa proses *tazkiyah al-nafs* berpotensi menjadi kerangka asas yang menyeluruh dalam pembentukan akhlak pelajar berasaskan pembangunan jiwa. Pendekatan ini memberi penekanan kepada perubahan tingkah laku yang berpunca daripada kesedaran rohani dan kawalan diri, bukan tertumpu kepada kawalan luar.

Oleh itu, pendidikan tentang akhlak dalam pendidikan Islam perlu difahami sebagai suatu proses berperingkat yang merangkumi penyucian jiwa, pengisian nilai terpuji, dan penghayatan nilai akhlak mulia secara konsisten. Implikasi ini menunjukkan bahawa keperluan dalam menilai semula pendekatan pendidikan akhlak agar lebih berasaskan *tazkiyah al-nafs* dan pembangunan jiwa.

Sehubungan itu, kajian ini mencadangkan agar prinsip *tazkiyah al-nafs* diaplikasikan secara sistematik dalam kurikulum, pedagogi, dan budaya sekolah. Penerapan elemen *takhalli*, *tahalli*, dan *tajalli* boleh dilaksanakan melalui latihan refleksi sendiri, program kerohanian, integrasi nilai akhlak dalam proses pengajaran dan pembelajaran serta peranan guru sebagai *qudwah hasanah*.

Selain itu, pihak sekolah dan guru digalakkan untuk mewujudkan persekitaran pembelajaran yang menyokong pembangunan spiritual pelajar agar nilai akhlak yang mulia dapat dihayati dan diaplikasikan secara berterusan. Pendekatan ini berpotensi menjadikan *tazkiyah al-nafs* sebagai kerangka pembentukan akhlak pelajar yang seimbang.

PENUTUP

Secara keseluruhan, kajian ini menegaskan bahawa pembentukan akhlak pelajar yang berkesan dan berterusan perlu berteraskan pembangunan dalaman jiwa melalui pendekatan *tazkiyah al-nafs*. Proses *takhalli*, *tahalli*, dan *tajalli* menyediakan kerangka pendidikan secara berperingkat yang menyokong pembentukan kesedaran rohani, kawalan diri, dan pengamalan akhlak mulia secara berterusan. Pendekatan ini dilihat relevan dan bersesuaian dalam menangani isu kemerosotan akhlak dalam konteks pendidikan kontemporari, khususnya dalam menghadapi pengaruh digital.

Justeru, *tazkiyah al-nafs* bukan sahaja menekankan perubahan tingkah laku luaran, namun turut memberi perhatian kepada pembinaan jiwa yang seimbang, selari dengan matlamat pendidikan Islam untuk melahirkan insan yang seimbang dan berakhlak mulia. Justeru, konsep ini wajar diberi penekanan sebagai teras utama pendidikan akhlak bagi memastikan pembentukan akhlak pelajar yang kukuh, berterusan, dan berlandaskan nilai Islam.

RUJUKAN

- Abas, Mohd Khir Johari, Saper, Md Noor, & Daud, Nurul'Ain Mohd. 2025. Aplikasi Model Kaunseling Tazkiyah Al-Nafs Dalam Kalangan Guru Bimbingan Dan Kaunseling. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 26(1), 133-151.
- Abd Majid, Mariam, Rahman, Aisyah Humairak Abdul, Azizan, Nurzatil Ismah, et al. 2025. Bentuk dan Implikasi Salah Laku Delinkuen Remaja di Pusat Pemulihan Akhlak di Malaysia: Forms and Implications of Juvenile Delinquency in Moral Rehabilitation Centers in Malaysia. *e-Jurnal Penyelidikan dan Inovasi*, 12(1), 88-103.
- Al-Ghazali. 1983. *Ihya' 'Ulum al-Din*. Jld. 1-4. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Ghazali. 2007. *Ringkasan Ihya' Ulumuddin*. Dar Al-Salam.
- Al-Sha'rawi, Muhammad Mutawalli. 1991. *Tafsir al-Sha'rawi*. Matbaah Akhbar al-Yaum.
- Azizan, Nurzatil Ismah, Ismail, Nazneen, & Zin, Siti Mursyidah Mohd. 2022. Pendekatan Pembentukan Akhlak Remaja Melalui Aspek Takhalli Di Institusi Pondok Selangor: Approach of Youth Character through Takhalli Aspects in Selangor Pondok Institution. *Jurnal Pengajian Islam*, 15(2), 85-96.
- Hadillah, Arief, Safitri, Santi, & Farida, Hasna. 2025. Revitalisasi Konsep Tazkiyah Al-Nafs Dalam Pendidikan Akhlak Berbasis Spiritualitas Al-Ghazali Untuk Generasi Digital melalui ICBT. *Al-Ibanah: Jurnal Keislaman, Kemasyarakatan Dan Kependidikan*, 10(2), 134-148.
- Hashim, Siti Nur Aafifah. 2020. Pembangunan Modal Insan Melalui Konsep Tazkiyah al-Nafs. *Jurnal Maw'izah*, 3(1), 17-27.
- Hatim, Ahmad Sahlan Abdul, Sahad, Mohd Nizam, & Rasit, Rosmawati Mohamad. 2020. Persepsi Pelajar Terhadap Pembentukan Akhlak Melalui Penerapan Nilai Murni Dalam Aktiviti Dakwah Kesenian Di SMKA Negeri Kedah. *International Journal Islamic and Civilizational Studies*, 7(2), 01-16.
- Johari, Mohd Erfino, Anas, Norazmi, Mutalib, Muhammad Ghazi Faris Abdul, et al. 2025. Senario Masalah Akhlak Remaja Muslim dari Perspektif Pakar Terpilih di Malaysia. *Development (JISED)*, 10(74), 1079-1092.
- Marzuki, Raihan, & Hajimaming, Pabiyah. 2017. Elemen Pembinaan Akhlak al-Imam al-Ghazali Menerusi Karya Klasik Kalilah wa Dimnah. *Malaysian Journal Of Islamic Studies (MJIS)*, 1(1), 25-44.
- Mat, Jusoh MS, Ahmad, H, & Abdul, Rani A. 2020. Aplikasi Modul Tazkiyyah Al-Nafs dalam Pembangunan Rohani di Kalangan Pelajar di Universiti Malaysia Pahang. *International Journal* 72-79.
- Miskawaih, Ahmad Ibnu Muhammad 1966. *Tahdhib al-Akhlaq*. Suntingan C.K. Zuraik (Ed.). Beirut: American University of Beirut.
- Mutholingah, Siti, & Zain, Basri. 2021. Metode Penyucian Jiwa (Tazkiyah al-Nafs) dan Implikasinya bagi Pendidikan Agama Islam. *TA'LIMUNA: Jurnal Pendidikan Islam*, 10(1), 69-83.
- Norani, Mohammad Najib Md, Ismail, Mohd Zaid, Ramli, Saipolbarin, et al. 2025. Pendidikan Nilai Ihsan dalam Kurikulum Pendidikan Islam: Menangani Krisis Sosial dalam Kalangan Remaja Pasca-Pandemik. *E-Journal of Islamic Thought & Understanding*, 8(1), 70-81.
- Robani, Nur Alya Aqilah Mohd, Jalil, Nur Qistina Batrisyia Mohd, Johari, Hasni Jahizah Mohamad, et al. 2023. Memperkasa Pendidikan Akhlak di Sekolah: Satu Tinjauan Kontekstual dalam Pendidikan Nasional. *E-Journal of Islamic Thought & Understanding*, 6(2), 53-67.

- Rozali, Rohaiza, & Abdul Wahab, Jamalul Lail. 2020. Kebolehlaksanaan Program Guru Penyayang Maya (e-SAYANG): Menangani Pelajar Masalah Disiplin. Kertas Kerja dalam Conference Of Future Education and Advances (ICOFEA) 2020
- Syamsuddin, Zulfahmi. 2017. Perbandingan Pemikiran Konsep Akhlak Al-Ghazali dan Ibn Miskawayh dalam Aspek Intelek. O-JIE: Online Journal of Islamic Education, 2(2).
- Tamuri, Ab Halim, & Ismail, Ahmad Munawar. 2021. Faktor-Faktor Sosial dan Amalan Akhlak dalam Kalangan Murid-Murid Sekolah-Sekolah Menengah di Malaysia. e-Jurnal Penyelidikan dan Inovasi, 87-111.

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.